

**PERATURAN AM DAN PERATURAN PERMAINAN  
TEMASYA SUKAN JABATAN LAUT MALAYSIA KALI KE-11 2026**

**1. NAMA KARNIVAL**

**1.1** Sukan ini dinamakan “**Sukan Jabatan Laut Malaysia Kali Ke-11 Tahun 2026**”

**2. PENGELOLAAN**

**2.1** Sukan Antara Jabatan Laut Malaysia Kali Ke-11 Tahun 2026 ini dianjurkan oleh Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan dengan kerjasama Kelab Kebajikan Dan Sukan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan (KKSJLWS).

**3. UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

Undang-Undang permainan antarabangsa yang berkuatkuasa akan menjadi undang-undang rasmi pertandingan kecuali apa yang tercatat di dalam Undang-undang dan Peraturan Khas pertandingan permainan yang berkenaan.

**4. TARIKH KEJOHANAN DAN PENGESAHAN PENYERTAAN**

Kejohanan akan berlangsung pada 18-20 September 2026. Semua pengesahan penyertaan perlu disampaikan kepada Urusetia Jawatankuasa Pelaksana Sukan Jabatan Laut Malaysia 2026.

**5. PEYERTAAN JABATAN**

**5.1** Temasya ini melibatkan 8 penyertaan iaitu

- a) Jabatan Laut Wilayah Sabah
- b) Jabatan Laut Wilayah Sarawak
- c) Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan
- d) Ibu Pejabat Laut
- e) Jabatan Laut Wilayah Tengah
- f) Jabatan Laut Wilayah Utara
- g) Jabatan Laut Wilayah Timur
- h) Jabatan Laut Wilayah Selatan

## 6. KELAYAKAN PESERTA

6.1 Peserta yang layak menyertai sukan ini adalah Kakitangan Jabatan Laut Malaysia dan kontrak yang masih berkhidmat.

6.2 Kakitangan sambilan, praktikal dan pelajar tidak dibenarkan sekali untuk menyertai temasya sukan ini.

## 7. PENGESAHAN SEBAGAI KAKITANGAN

7.1 Semua peserta dikehendaki mengemukakan salinan HRMIS atau Surat Perakuan Ketua Jabatan sebagai bukti kakitangan yang bekerja di Jabatan Laut Malaysia sebelum kejohanan berlangsung atau pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak penganjur.

7.2 Jawatankuasa Pengelola berhak untuk menyemak status atlet yang mengambil bahagian.

## 8. JENIS-JENIS SUKAN

8.1 Sebanyak 19 pingat emas acara sukan *indoor* dan *outdoor* yang akan dipertandingkan.

8.2 Berikut adalah senarai sukan yang dipertandingkan dan pingat yang ditawarkan:

| Bil | Acara        | Pingat |
|-----|--------------|--------|
| 1.  | Badminton    | 1      |
| 2.  | Bola Tampar  | 1      |
| 3.  | Ping Pong    | 2      |
| 4.  | Olahraga     | 5      |
| 5.  | Bowling      | 3      |
| 6.  | Sepak Takraw | 1      |
| 7.  | Tarik tali   | 1      |
| 8.  | Dart         | 2      |
| 9.  | Bola Jaring  | 1      |
| 10. | Pickleball   | 2      |

## 9. YURAN PENYERTAAN

4.1 Berikut adalah jadual kadar bayaran yuran sukan bagi semua acara yang telah ditetapkan;

| Bil | Acara        |                     | Yuran (RM) |
|-----|--------------|---------------------|------------|
| 1.  | Badminton    | Beregu Lelaki       | 250        |
| 2.  | Bola Tampar  | Berkumpulan Lelaki  | 400        |
| 3.  | Ping Pong    | Individu Lelaki     | 150        |
|     |              | Beregu Lelaki       | 250        |
| 4.  | Olahraga     | 100 m Lelaki        | 150        |
|     |              | 100 m Wanita        | 150        |
|     |              | 800 m Lelaki        | 150        |
|     |              | 800 m Wanita        | 150        |
|     |              | 1500 m Lelaki       | 150        |
| 5.  | Boling       | Individu Lelaki     | 150        |
|     |              | Individu Wanita     | 150        |
|     |              | Berkumpulan (2L 1W) | 400        |
| 6.  | Sepak Takraw | Antara Regu Lelaki  | 400        |
| 7.  | Tarik Tali   | Berkumpulan Lelaki  | 400        |
| 8.  | Dart         | Individu Lelaki     | 150        |
|     |              | Beregu lelaki       | 250        |
| 9.  | Bola Jaring  | Berkumpulan Wanita  | 400        |
| 10. | Pickleball   | Beregu Lelaki       | 250        |
|     |              | Beregu Wanita       | 250        |

## 10. BORANG PENDAFTARAN/PENYERTAAN

10.1 Borang pendaftaran/penyertaan bagi temasya ini akan diedarkan secara email/serahan.

10.2 Semua Jabatan Laut wilayah diwajibkan mengisi dengan lengkap borang pendaftaran/penyertaan sukan yang dipertandingkan dan diserahkan 7 hari sebelum sukan ini berlangsung.

10.3 Hanya pemain yang berdaftar di dalam borang pendaftaran/penyertaan sahaja layak mengambil bahagian.

10.4 Pertukaran pemain hanya dibenarkan sebelum perlawanan pertama setiap pasukan berlangsung dan pertukaran tidak dibenarkan selepas perlawanan bermula.

## **11. SISTEM PERTANDINGAN**

11.1 Sistem pertandingan yang akan dijalankan adalah adalah seperti yang telah dinyatakan di dalam Peraturan Sukan bagi setiap acara sukan.

## **12. PAKAIAN**

12.1 Setiap pemain/pasukan hendaklah memakai pakaian yang dibenarkan dalam undang-undang permainan berkenaan.

12.2 Jika kedua-dua pasukan memakai pakaian yang sama warnanya, pasukan yang namanya mula-mula tercatat dalam jadual pertandingan dikira sebagai pasukan tuan rumah dan pasukan pelawat mestilah menukar kepada pakaian yang lain warnanya. (tertakluk kepada peraturan permainan acara sukan masing-masing).

## **13. KELEWATAN**

13.1 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut masa dan jadual yang telah ditetapkan. Tambahan masa menunggu tidak melebihi 10 minit boleh pertimbangkan atas budi bicara pengadil, pegawai teknikal dan penganjur (tertakluk kepada peraturan sukan setiap acara).

13.2 Senarai nama pemain hendaklah diserahkan kepada meja urusetia pendaftaran permainan selewat-lewatnya 30 minit sebelum masa perlawanan bermula.

## **14. PENANGGUHAN**

14.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan/dijadualkan sama sekali tidak boleh ditangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

14.2 Hanya jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah jadual sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta merta.

## **15. PENGADIL**

15.1 Pengadil bertauliah akan dilantik oleh jawatankuasa pengelola bagi tiap-tiap acara sukan yang dipertandingkan.

## **16. BANTAHAN**

- 16.1 Sebarang bantahan mengenai sesuatu perkara boleh dibuat oleh Ketua Kontinjen/Pengurus Pasukan secara bertulis menggunakan borang bantahan kepada Jawatankuasa Bantahan dalam tempoh tidak lebih dari lima belas (15) minit selepas tamat sesuatu perlawanan dengan disertakan wang tunai sebanyak RM 500 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) sebagai wang cagaran.
- 16.2 Wang cagaran tidak akan dikembalikan dan menjadi pendapatan KKSJLWS tidak mengira keputusan bantahan diterima atau ditolak.
- 16.3 Semua bantahan hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia.
- 16.4 Semua bukti ke atas bantahan perlulah dikemukakan oleh pihak yang membantah.

## **17. JAWATANKUASA BANTAHAN**

- 17.1 Jawatankuasa bantahan terdiri daripada 5 orang seperti berikut:
- a) Pengerusi KKSJLWS atau wakil dari kalangan AJK Tertinggi KKSJLWS.
  - b) Tiga orang Pengurus Pasukan Sukan berkenaan yang berkecuali. Dipilih oleh urusetia bersama pengadil pertandingan.
  - c) Ketua Pengadil bagi acara yang dipertandingkan.

## **18. DISIPLIN**

- 18.1 Mana-mana individu/peserta yang didapati menimbulkan kekecohan, pergaduhan, perbalahan atau apa-apa yang boleh mengganggu perjalanan acara sukan pihak penganjur boleh mengantung peserta dari terus bermain atau mengikuti mana-mana acara sepanjang Temasya Sukan Jabatan Laut Malaysia Kali Ke 11 ini berlangsung.

## **19. KEMALANGAN/KEHILANGAN/KECEDERAAN**

- 19.1 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas kemalangan/kecederaan keatas peserta dan kehilangan/kerosakan barangan peribadi peserta sepanjang Temasya Sukan Jabatan Laut Malaysia ini berlangsung.

## **20. HADIAH-HADIAH**

20.1 Hadiah akan disediakan oleh pengelola untuk pemenang-pemenang pertama, kedua dan ketiga sahaja atau mengikut tawaran pingat setiap permainan.

20.2 Hadiah kemenangan akan disediakan seperti berikut

- Pingat Emas,
- Pingat Perak dan
- Pingat Gangsa.

## **21. JOHAN KESELURUHAN TEMASYA SUKAN**

21.1 Johan keseluruhan akan ditentukan seperti berikut:

17.1.1 Wilayah yang memenangi Pingat Emas terbanyak dikira sebagai pemenang.

17.1.2 Jika masih seri, wilayah yang memenangi Pingat Perak terbanyak dikira sebagai pemenang.

17.1.3 Jika masih seri, wilayah yang memenangi Pingat Gangsa terbanyak dikira sebagai pemenang.

## **22. PERKARA AM**

22.1 Jika terdapat peraturan-peraturan yang tidak dinyatakan secara jelas pada dalam peraturan am ini pihak penganjur berhak meminda dan menambah merujuk kepada peraturan dan undang-undang sukan semasa. Jika perlu penganjur akan berbicang dengan pengadil dan pegawai teknikal yang dilantik untuk membuat sebarang keputusan.

22.2 Jika perkara 15.1 tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut maka pihak pengajur akan memanggil semua pengurus sukan bagi membicarakan dan menyelesaikan masalah tersebut untuk keputusan bersama.

-----Tamat-----